

BOARD OF DIRECTORS' STATEMENTS

CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

The Board of Directors of PETRA Perdana Berhad (the "Board") is committed to the standard of corporate governance as prescribed in the Malaysian Code on Corporate Governance (the "Code"). The Board is currently progressing towards full compliance with the Principles of Corporate Governance as described in Part 1 of the Code, and is also committed to ensuring the adoption of the Best Practices in Corporate Governance as recommended in Part 2 of the Code.

THE BOARD OF DIRECTORS

The Group is led and controlled by the Board, which has the overall responsibility for corporate governance, strategic direction and overseeing the investments of the Group.

There are currently four members on the Board, comprising two executive directors and two independent directors. Since the demise of one of the non-executive directors on 30 December 2002, the Board has been actively searching for a candidate to fill the vacancy.

The roles of the Executive Chairman and the Chief Executive Officer ("CEO") of the Group are combined because the Executive Chairman / CEO possesses the intimate knowledge and experience in the core business activities of the Group. This knowledge and experience is considered essential in the provision of effective leadership for an expanding Group. In spite of this, the functionality of the Board as a whole is not compromised as the two independent directors on the Board are respected professionals in their own rights who have demonstrated their continued professionalism in the discharge of their duties.

During the year under review, the Board met five times with the following attendance record:

	Number of meetings held	Number of Meetings attended
YM Tengku Dato' Ibrahim Petra Bin Tengku Indra Petra	5	5
Datin Nariza Hajjar Hashim	5	4
Azmi Mohd Hashim Bin C M Hashim (deceased on 30.12.2002)	5	5
Ahmad Bin Haji Mohd Sharkan	5	5
Wong Fook Heng	5	5

In discharging its duties, the Board has unrestricted access to timely and accurate information, which is not only confined to quantitative but also other qualitative information as required.

In accordance with the Company's Articles of Association, at least one-third of the directors will retire by rotation at each Annual General Meeting and all the directors will retire from office at least once every three years. Directors scheduled for retirement shall be eligible for re-election.

Ahmad Bin Haji Mohd Sharkan is the Senior Independent Director to whom any concerns may be conveyed.

DIRECTORS' NOMINATION

The Board as a whole is responsible for the appointments of directors. As the number of directors on the Board is small, every director is responsible for proposing new nominees, assessing the contributions of other directors and assessing the overall effectiveness of the Board on an on-going basis.

The Board has access to the services of the Company Secretary who ensures that all appointments to the Board are properly made and its documentation meets the statutory obligations as well as the obligations arising from the listing requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

DIRECTORS' REMUNERATION

The Board as a whole is responsible for the determination of directors' remuneration. The component parts of executive directors' remuneration are based on corporate performance and individual responsibilities. Independent & non-executive directors are remunerated based on fixed annual fees and their attendance at board meetings.

The details of directors' remuneration received from the Company and its subsidiaries during the financial year ended 31.12.2002 are as follows:

Aggregate remuneration categorised by type:

Type of Remuneration	Executive Directors RM	Non-Executive Directors RM
Fees	44,400	43,200
Salaries	422,070	–
Benefits-in-kind	37,276	–

Number of directors whose remuneration falls into the following bands:

Range of Remuneration	Executive Directors	Non-Executive Directors
Below RM50,000	–	3
RM50,001 to RM100,000	–	–
RM100,001 to RM150,000	1	–
RM150,001 to RM200,000	–	–
RM200,001 to RM250,000	–	–
RM250,001 to RM300,000	–	–
RM300,001 to RM350,000	–	–
RM350,001 to RM400,000	–	–
RM400,001 to RM450,000	1	–

As the number of directors on the Board is small, the Board as a whole conducts the evaluation and discussion of directors' remuneration, with the individual director abstaining from making the decision in respect of his/her remuneration.

SHAREHOLDERS

The Board recognises the importance of maintaining communications with the shareholders of the Company and other stakeholders including the public in general, for the proper dissemination of information. The Company conducts regular dialogues with its institutional shareholders and financial analysts.

The Annual General Meeting is the principal forum for dialogue with private investors. The Board encourages all shareholders to actively engage in the question-answer session on the activities and operations of the Company and Group.

ACCOUNTABILITY AND AUDIT

The Board is responsible to ensure that the financial statements are prepared in accordance with the provisions of the Companies Act, 1965 (the 'Act') and the approved accounting standards in Malaysia (the 'accounting standards'). The Board considers adherence to the Act and the accounting standards as sufficient to enable it to present a balanced and understandable assessment of the Company's and the Group's positions and prospects.

The Board has the overall responsibility to maintain a sound system of internal controls to safeguard shareholders' investments and the Group's assets. Whilst the Board recognises that it is not realistic to expect complete elimination of all risks, it is confident that the system of internal controls within the structure of the Group is capable of mitigating these risks to an acceptable level.

The Board, through the Audit Committee, has established transparent arrangements for maintaining appropriate relationships with both the external and internal auditors of the Group. These arrangements are included in the Audit Committee's terms of reference.

This statement has been approved by the Board of Directors.

STATEMENT OF DIRECTORS' RESPONSIBILITY IN THE PREPARATION OF FINANCIAL STATEMENTS

The directors are required by the Companies Act, 1965 (the 'Act') to prepare financial statements for each financial year in accordance with approved accounting standards so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Company and the Group at the end of the financial year, and of the results and cash flow of the Company and the Group for the financial year.

In the preparation of the financial statements, the directors have considered the following:

- Adoption of suitable accounting policies and its consistent application
- Prudence and reasonableness in judgement and estimates
- Adherence to approved accounting standards in Malaysia
- Appropriateness in the preparation of financial statements on a going concern basis.

The directors are responsible for ensuring that the Company maintains proper accounting records which disclose, with reasonable accuracy, the financial positions of the Company and the Group, and which enable them to ensure that the financial statements comply with the Act.

The directors have an overall responsibility for taking steps that are reasonably appropriate and open to them to safeguard the assets of the Group and hence, to prevent and detect fraud and other irregularities.

This statement has been approved by the Board of Directors.

PENYATA-PENYATA LEMBAGA PENGARAH

PENYATA PENTADBIRAN KORPORAT

Lembaga Pengarah PETRA Perdana ("Lembaga") beriltizam untuk mencapai tahap pentadbiran korporat seperti yang ditetapkan dalam Tataurusian Pentadbiran Korporat Malaysia ("Tataurusian"). Lembaga sedang berusaha mematuhi sepenuhnya Prinsip-Prinsip Pentadbiran Korporat seperti yang termaktub dalam Bahagian 1 Tataurusian, dan berusaha untuk memastikan Amalan Terbaik Pentadbiran Korporat diterima pakai, seperti yang dicadangkan dalam Bahagian 2 Tataurusian.

LEMBAGA PENGARAH

Kumpulan dipimpin dan dikawal oleh Lembaga, yang bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap pentadbiran korporat, hala tuju strategik dan pemantauan pelaburan Kumpulan.

Pada masa ini terdapat empat ahli Lembaga, yang terdiri daripada dua pengarah eksekutif dan dua pengarah bebas. Sejak salah seorang pengarah bukan eksekutif meninggal dunia pada 30 Disember 2002, Lembaga Pengarah telah mencari secara aktif seorang calon bagi mengisi kekosongan tersebut.

Peranan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") Kumpulan telah digabungkan, kerana Pengerusi Eksekutif/CEO memiliki pengetahuan mendalam dan pengalaman meluas dalam kegiatan perniagaan teras Kumpulan. Pengetahuan dan pengalaman tersebut dianggap penting untuk memberikan kepimpinan yang berkesan kepada Kumpulan yang sedang berkembang ini. Walaubagaimanapun, fungsi Lembaga secara keseluruhannya tidak terjejas kerana dianggotai oleh dua pengarah bebas yang merupakan profesional yang dihormati dalam bidang masing-masing yang telah menunjukkan sikap profesional dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Dalam tahun yang dilaporkan, Lembaga telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima kali. Rekod kehadiran mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut:

	Bilangan mesyuarat yang diadakan	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
YM Tengku Dato' Ibrahim Petra Bin Tengku Indra Petra	5	5
Datin Nariza Hajjar Hashim	5	4
Azmi Mohd Hashim Bin C M Hashim (meninggal dunia pada 30.12.2002)	5	5
Ahmad Bin Haji Mohd Sharkan	5	5
Wong Fook Heng	5	5

Semasa menjalankan tugasnya, Lembaga mempunyai capaian tidak terhad kepada maklumat tepat yang disediakan tepat pada masanya. Maklumat tersebut bukan sahaja terhad kepada maklumat kuantitatif, tetapi juga maklumat kualitatif, sekiranya diperlukan.

Menurut Fasal Penubuhan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada pengarah akan bersara secara bergilir di setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan semua pengarah perlu bersara daripada jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun. Para pengarah yang dijadualkan untuk bersara layak untuk dilantik semula.

Sebarang kemusykilan boleh dikemukakan kepada Pengarah Bebas Kanan, Ahmad Bin Haji Mohd Sharkan.

PENCALONAN PARA PENGARAH

Lembaga secara keseluruhannya bertanggungjawab terhadap perlantikan para pengarah. Memandangkan bilangan ahli lembaga adalah kecil, setiap pengarah bertanggungjawab untuk melantik nomini-nomini baru, menaksir sumbangan-sumbangan para pengarah yang lain dan menaksir keberkesanan Lembaga keseluruhannya secara berterusan.

Lembaga menggunakan perkhidmatan Setiausaha Syarikat yang telah memastikan bahawa perlantikan ke Lembaga dibuat dengan betul dan dokumentasi mengenainya memenuhi keperluan berkanun dan juga syarat-syarat di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur.

IMBUHAN PENGARAH

Lembaga secara keseluruhannya bertanggungjawab untuk menentukan imbuhan pengarah. Komponen-komponen tertentu imbuhan pengarah eksekutif adalah berdasarkan prestasi korporat dan tanggungjawab individu. Pengarah bebas bukan eksekutif diberi ganjaran berdasarkan yuran tahunan tetap dan kehadiran mereka di mesyuarat lembaga.

Butir-butir mengenai imbuhan pengarah-pengarah yang diterima dari Syarikat serta anak-anak syarikatnya pada tahun kewangan yang berakhir 31hb Disember 2002 adalah seperti berikut:

Agregat imbuhan dikategorikan mengikut jenis:

Jenis-jenis imbuhan	Pengarah-Pengarah Eksekutif RM	Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif RM
Yuran	44,400	43,200
Gaji	422,070	–
Manfaat dalam bentuk barangan	37,276	–

Bilangan pengarah-pengarah yang imbuhan mereka tergolong dalam kumpulan-kumpulan berikut:-

Had Imbuhan	Pengarah-Pengarah Eksekutif	Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif
Bawah RM50,000	–	3
Dari RM50,001 ke RM100,000	–	–
Dari RM100,001 ke RM150,000	1	–
Dari RM150,001 ke RM200,000	–	–
Dari RM200,001 ke RM250,000	–	–
Dari RM250,001 ke RM300,000	–	–
Dari RM300,001 ke RM350,000	–	–
Dari RM350,001 ke RM400,000	–	–
Dari RM400,001 ke RM450,000	1	–

Memandangkan bilangan ahli Lembaga adalah kecil, Lembaga secara keseluruhan menjalankan penilaian dan perbincangan mengenai imbuhan para pengarah dimana seseorang pengarah itu dikecualikan daripada membuat keputusan mengenai imbuhan mereka.

PEMEGANG SAHAM

Lembaga menyedari betapa pentingnya mengekalkan hubungan dengan para pemegang saham Syarikat dan dengan pemegang kepentingan lain, termasuk orang ramai pada amnya, untuk menyebarkan maklumat dengan tepat. Syarikat mengadakan dialog dari masa ke semasa dengan para pemegang saham institusi dan penganalisis kewangan.

Mesyuarat Agung Tahunan ialah forum utama bagi dialog dengan para pelabur persendirian. Lembaga menggalakkan semua pemegang saham melibatkan diri secara aktif dalam sesi soal jawab mengenai kegiatan dan operasi Syarikat dan Kumpulan.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Lembaga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penyata kewangan disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965 ('Akta') dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia ('piawaian perakaunan'). Lembaga menganggap pematuhan kepada Akta dan piawaian perakaunan sebagai memadai untuk membolehkannya membentangkan penilaian yang seimbang dan mudah difahami tentang kedudukan dan prospek Syarikat dan Kumpulan.

Lembaga mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengekalkan sistem kawalan-kawalan dalaman yang kukuh untuk memelihara pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Walaupun Lembaga menyedari hakikat bahawa adalah mustahil untuk mengeneipkan sepenuhnya risiko, Lembaga yakin bahawa sistem kawalan-kawalan dalaman di dalam struktur Kumpulan berupaya mengurangkan risiko-risiko tersebut ke tahap yang boleh diterima.

Lembaga, menerusi Jawatankuasa Audit, telah menetapkan langkah-langkah yang telus untuk menjalin hubungan yang sewajarnya dengan juruaudit luaran dan dalaman Kumpulan. Langkah-langkah tersebut termasuk dalam bidang rujukan Jawatankuasa Audit.

Penyata ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH TERHADAP PENYEDIAAN PENYATA-PENYATA KEWANGAN

Para pengarah disyaratkan di bawah Akta Syarikat, 1965 ('Akta') untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan, dan memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Syarikat dan Kumpulan pada akhir tahun kewangan, dan keputusan dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan yang dilaporkan.

Semasa menyediakan penyata-penyata kewangan, para pengarah telah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- Menerima pakai dasar-dasar kewangan yang sewajarnya dan menggunakannya dengan konsisten
- Membuat pertimbangan dan anggaran yang teliti dan wajar
- Mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia
- Mengkaji kesesuaian menyediakan penyata-penyata kewangan yang teraudit atas dasar usaha berterusan.

Para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyenggarakan rekod-rekod perakaunannya dengan betul, yang mendedahkan dengan ketepatan yang sewajarnya tentang kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan, dan yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah sewajarnya yang sesuai dan yang terbuka kepada mereka untuk memelihara aset Kumpulan dan justeru itu, mencegah dan mengesan penipuan dan sebarang ketidakpatuhan lain.

Penyata ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.